

20 JUN 1999

Samy Vellu-Pekerja

MINTA MP TANDATANGANI AKUAN ADALAH PRINSIP YANG TIDAK BOLEH DITERIMA

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu menyifatkan permintaan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) supaya semua Anggota Parlimen menandatangani satu akuan menyokong cadangan pekerja ladang diberi gaji bulanan, sebagai satu prinsip yang tidak boleh diterima dalam sebuah negara demokrasi.

"Kalau orang minta kita menandatangani satu akuan kepada mereka, bukan akuan itu boleh menjadikan kita menang dalam pilihan raya akan datang.

"Saya percaya itu bukan satu prinsip yang boleh kita terima dalam sebuah negara demokrasi," katanya pada persidangan media ketika diminta mengulas cadangan Jawatankuasa Sokongan Pekerja Ladang yang meminta semua Anggota Parlimen menyatakan akuan.

Sebelum itu beliau menyampaikan ijazah kepada 152 graduan Kolej Tafe Seremban di sini hari ini.

"Kalau kita bagi akuan kepada mereka, adakah mereka akan bagi akuan kepada kita yang mereka mesti undi kita? Saya percaya ini bukan satu permintaan yang boleh diterima oleh sesiapa," katanya.

Katanya sebagai wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat, mereka mempunyai tanggungjawab yang besar dan sentiasa mewakili pekerja serta menjalankan beberapa aktiviti untuk memperbaiki keadaan penduduk negara ini.

"Kita sedang membangkitkan kepada Jemaah Menteri beberapa perkara berkenaan masa depan pekerja ladang, kemudahan yang akan didirikan dan Jemaah Menteri juga baru sahaja menerima kertas kerja daripada Menteri Sumber Manusia (Datuk Lim Ah Lek) yang menyatakan beberapa kemudahan mesti diberikan kepada pekerja ladang (untuk meningkatkan taraf hidup mereka)," katanya.

Ditanya mengenai pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan akan membina rumah bagi Timbalan Perdana Menteri di Putrajaya, Samy Vellu berkata pengumuman itu amat dialu-alukan.

"Saya tidak tahu mengapa dahulu tidak ada peruntukan untuk membina sebuah rumah untuk Timbalan Perdana Menteri. Jika Perdana Menteri duduk di Putrajaya, di manakah Timbalan Perdana Menteri akan duduk," katanya.

Kepada soalan apakah Jabatan Kerja Raya (JKR) terbabit dalam projek itu, beliau berkata, JKR tidak terbabit secara langsung dalam projek itu kerana kemajuan dan pembangunan Putrajaya dikendalikan oleh Putrajaya Development Corporation tetapi sekiranya JKR diminta untuk mengawasi sebarang projek yang dijalankan di sana, JKR mempunyai kebolehan dan kemampuan.

Semalam Dr Mahathir berkata, cadangan untuk membina rumah berkenaan ditolak oleh bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam pelan asal Putrajaya.

Bercakap kepada majlis itu, Samy Vellu berkata, para graduan perlu memainkan peranan penting dalam melaksanakan aspirasi Wawasan 2020.

"Tanpa visi yang jelas dan pengetahuan cukup untuk membawa kita ke alaf baru, usaha itu mungkin akan gagal. Atas kesedaran itu, para graduan, dengan berbekalkan pengetahuan dan skil yang mereka perolehi, perlu menggunakan kepakaran mereka untuk mencari idea dan konsep baru," kata beliau.

-- BERNAMA

APG zb